

28 JUL 2002

Lim-Cina

PARTI-PARTI KAUM CINA PATUT BINCANG BERSAMA ISU NEGARA

IPOH, 28 Julai (Bernama) -- Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik berkata semua parti kaum Cina yang menganggotai Barisan Nasional (BN) harus membincangkan bersama isu-isu negara.

Katanya kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa masalah pengasingan kaum di kalangan generasi muda kini berada pada tahap membimbangkan, menggambarkan isu itu merupakan satu perkara yang serius.

"Tindakan Perdana Menteri membuat kenyataan bahawa golongan muda tidak bergaul baik antara kaum menunjukkan beliau cuba menampilkan realiti yang berlaku di negara ini. Beliau memang berani dalam menyatakan kebenaran," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan tahunan Gerakan Perak, di sini, hari ini.

Beliau berkata parti-parti pelbagai kaum juga perlu bersedia mengatasi masalah itu sebelum ia menjadi lebih teruk.

Menurutnya banyak isu yang boleh dibincangkan bersama oleh parti-parti komponen BN yang melibatkan kaum Cina demi kebaikan negara pada masa hadapan.

"Isu seperti Sekolah Wawasan dan penggunaan bahasa Inggeris dalam matapelajaran Sains dan Matematik di sekolah patut diperbincangkan secara mendalam," katanya.

Dengan adanya perbincangan, pendirian bersama parti-parti komponen kaum Cina BN dapat diusahakan dengan Umno.

"Gerakan mengadakan perjumpaan dengan MCA dua minggu lalu untuk membincangkan penggunaan bahasa Inggeris dalam subjek Sains dan Matematik di sekolah-sekolah Cina dan akan mengadakan perjumpaan dengan parti-parti komponen yang lain di Sabah dan Sarawak supaya satu pendirian bersama dapat dicapai," katanya.

Lim juga berkata Gerakan tidak akan membiarkan kegiatan ekstrem berlaku dalam politik negara ini.

"Kita bersetuju dengan usaha Umno untuk mengatasi masalah ekstremisme agama di kalangan parti pembangkang terutamanya PAS. Kita bersedia bekerjasama dengan parti komponen BN yang lain," katanya.

-- BERNAMA

KAY NAK